

HIMPUNAN FATWA YANG TELAH DIWARTAKAN DARI 2005- 2010

1. Fatwa Mengenai "Anak Tak Sah Taraf"

Fatwa:

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 36 (1) dan (2), Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang Tahun 1993, Mufti bagi Negeri Pulau Pinang membuat fatwa seperti yang dinyatakan dalam jadual.

1. Anak Tak Sah Taraf ialah:
 - a. Anak yang dilahirkan di luar nikah sama ada akibat zina atau rogol dan dia bukan daripada persetubuhan syubhah atau bukan daripada anak perhambaan.
 - b. Anak dilahirkan kurang dari enam bulan dua lahzah (saat) mengikut takwim qamariah daripada tarikh tamkin (setubuh).
2. Anak tak sah taraf sama ada diikuti dengan perkahwinan pasangan itu atau tidak hendaklah dibinkan atau dibintikan kepada "Abdullah".
3. Anak tak sah taraf tidak boleh dinasabkan kepada lelaki yang menyebabkan kelahirannya atau kepada sesiapa yang mengaku menjadi bapa kepada anak tersebut. Oleh itu, tidak boleh pusaka-mempusakai dan tidak menjadi mahram antara keduanya.
4. Lelaki yang menyebabkan kelahiran anak tak sah taraf atau yang mengaku menjadi bapa kepada anak tersebut tidak boleh menjadi wali kepada anak tersebut. (*Rujuk Lampiran 16*)

(*Warta pada Oktober 2006*)

2. Fatwa mengenai Buku "Dilema Umat Islam Antara Hadis Dan Al-Quran" karangan Kassim Ahmad, Keluaran Forum Iqra.

Fatwa:

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 36 (1) dan (2), Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang Tahun 1993, Mufti bagi Negeri Pulau Pinang membuat fatwa seperti yang dinyatakan dalam jadual.

1. Bahawa isi kandungan Buku "Dilema Umat Islam Antara Hadis Dan Al-Quran" karangan Kassim Ahmad, Keluaran Forum Iqra' adalah diharamkan di Negeri Pulau Pinang.
2. Fahaman dan amalan ini, perlu disekat keseluruhannya dari berkembang di Negeri Pulau Pinang kerana percanggahan yang terdapat dalam buku tersebut meliputi keterangan-keterangan dalama isi kandungannya yang mana antara lain seperti berikut:

Fahaman bahawa hadith yang mentafsir Al-Quran adalah meragukan. Ini menyebabkan pentafsiran Al-Quran menjadi kabur.

Menolak hadith yang mengiktiraf golongan para ulama' sebagai pewaris Nabi.

Mempertikai hukuman bunuh terhadap golongan murtad, manakala hukum rejam sampai mati dikatakan berasal dari ajaran kitab Taurat.

Kesalahan dalam mentafsirkan serta menghuraikan ayat-ayat Al-Quran.

Salam dalam memahami serta menghuraikan maksud sebenar sesuatu hadith.

Mendakwa kisah Nabi Isa a.s. diangkat ke langit serta penurunan di akhir zaman adalah berasal daripada ajaran kitab Injil.

Mendakwa bahawa pensyariatian solat lima waktu sehari semala di malam Isra' Mikraj bersalahan dengan ajaraan Al-Quran dan fakta sejarah.

1. Oleh itu, mana-mana orang Islam yang berpegang dengan fahaman dan amalan kandungan tersebut adalah dilarang sama sekali kerana ia bercanggah dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jama' ah yang meliputi:
 - a. Mengajar, mengamal dan menyebarkan fahaman dan amalan kandungan tersebut;
 - b. Untuk menerbitkan apa-apa bentuk, versi atau variasi atau apa-apa terjemahannya dalam apa-apa bahasa atau apa-apa bahan publisiti atau atas apa-apa bahan, sama ada bahan cetak atau elektronik atau selainnya atau melalui apa-apa media, atau apa-apa kaedah yang membawa kepada penyebaran isi kandungan buku tersebut. (*Rujuk Lampiran 17*)

(Warta pada September 2005)

3. Fatwa Mengenai "Pengharaman Buku Fahaman Dan Amalan Ibrahim Babu A/L P.M. Kamal Bacha adalah diharamkan di Negeri Pulau Pinang".

Fatwa:

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 36 (1) dan (2), Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang Tahun 1993, Mufti bagi Negeri Pulau Pinang membuat fatwa seperti yang dinyatakan dalam jadual.

1. Bahawa isi kandungan Buku Fahaman Dan Amalan Ibrahim Babu A/L P.M. Kamal Bacha adalah diharamkan di Negeri Pulau Pinang.
2. Fahaman dan amalan ini, perlu disekat keseluruhannya dari berkembang di Negeri Pulau Pinang kerana percanggahan yang terdapat dalam buku tersebut meliputi keterangan-keterangan dalam isi kandungannya yang mana antara lain seperti berikut:
 - Kita harus ikut Al-Quran dan jangan ikut kitab lain (Hadis) (petikan muka surat: 1).
 - Visi Al-Quran sudah tukar dari kitab asal seperti Kitab Taurat (petikan muka surat: 15).
 - Seluruh umat Islam sudah jadi murtad kerana mempercayai Nabi Muhammad S.A.W. (petikan muka surat: 21).
 - Orang Arab tipu orang yang pergi mengerjakan ibadat haji dengan Hajarul Aswad iaitu batu Syurga (petikan muka surat: 34).
 - Arah kiblat yang betul adalah Agama Islam dan jangan ikut arah kiblat untuk sembanhyang Syurga (petikan muka surat: 52)
 - Israk dan Mikraj ketika Nabi pergi beliau tidak pergi ke Masjid Al-Aqsa sebab masjid itu tiada pada masa itu (petikan muka surat: 59)

Mengucap dua kalimah syahadah tiada dalam Al-Quran (petikan muka surat: 99)
Jangan keluar zakat (petikan muka surat: 91)
Sembahyang Jumaat tiada (petikan muka surat: 91)
Sembahyang Tahajjud tiada (petikan muka surat: 99)
Tiada sunat berkhatan dalam Islam (petikan muka surat: 91/99)
Sembahyang lima waktu tiada dalam Al-Quran (petikan muka surat: 99)
Waktu berbuka puasa bukan pada waktu Maghrib (petikan muka surat: 99)
Malaikat Jibrail hanya sekali sahaja datang memberi wahyu kepada Nabi Muhammad S.A.W.
(petikan muka surat: 99)
Jangan membaca selawat (petikan muka surat: 99)
Jangan ikut mazhab (petikan muka surat: 115)
Khalifah tidak dapat diterima (petikan muka surat: 96)
Hadis Muslim adalah tipu (petikan muka surat: 100)
Pada zaman ini tiada Muslim yang seperti disebutkan (petikan muka surat: 115)

1. Oleh itu, mana-mana orang Islam yang berpegang dengan fahaman dan amalan kandungan tersebut adalah dilarang sama sekali kerana ia bercanggah dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jama' ah yang meliputi:
 - a. Mengajar, mengamal dan menyebarkan fahaman dan amalan kandungan tersebut;
 - b. Untuk menerbitkan apa-apa bentuk, versi atau variasi atau apa-apa terjemahannya dalam apa-apa bahasa atau apa-apa bahan publisiti atau atas apa-apa bahan, sama ada bahan cetak atau elektronik atau selainnya atau melalui apa-apa media, atau apa-apa kaedah yang membawa kepada penyebaran isi kandungan buku tersebut. (*Rujuk Lampiran 18*)

(Warta pada September 2005)

4. Fatwa Mengenai "Peraduan Sistem Pesanan Ringkas (SMS) Berbentuk Judi"

Fatwa:

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 36 (1) dan (2), Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang Tahun 1993, Mufti bagi Negeri Pulau Pinang membuat fatwa seperti yang dinyatakan dalam jadual.

1. Bahawa mana-mana orang Islam yang menyertai atau menganjurkan sebarang peraduan melalui sistem pesanan ringkas (SMS) adalah haram dan berdosa.
2. Bagi maksud fatwa ini, bahawa peraduan yang dijalankan tersebut adalah tidak jelas dan mempunyai unsur-unsur perjudian yang bercanggah dengan hukum syarak. (*Rujuk Lampiran 19*)

(Warta pada September 2005)

5. Fatwa Mengenai "Pegawai Perhubungan Pelanggan (GRO)"

Fatwa:

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 36 (1) dan (2), Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang Tahun 1993, Mufti bagi Negeri Pulau Pinang membuat fatwa seperti yang dinyatakan dalam jadual.

1. Bahawa bertugas sebagai Pegawai Perhubungan Pelanggan (GRO) adalah haram dan berdosa.
2. Bagi maksud fatwa ini, mana-mana wanita Islam adalah dilarang menjalankan tugas sebagai Pegawai Perhubungan Pelanggan (GRO) di kelab-kelab malam, rumah urut, disko bar, pub, dan sebagainya. Larangan ini meliputi kepada sifat serta ancaman seperti berikut:
 - i. Pekerjaan tersebut melanggar batas-batas yang telah ditetapkan oleh hukum syarak.
 - ii. Mendedahkan aurat.
 - iii. Pergaulan bebas antara bukan mahram. (*Rujuk Lampiran 20*)

(Warta pada September 2005)

6. Fatwa Mengenai "Usaha-Usaha Menghidupkan Semula Arqam Melalui Syarikat Rufaqa' Corporation Sdn. Bhd. (SRC) Dan Rangkaian Syarikat Gabungannya".

Keputusan Fatwa:

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 36 (1) dan (2), Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang Tahun 1993, Mufti bagi Negeri Pulau Pinang membuat fatwa seperti yang dinyatakan dalam jadual.

Mesyuarat telah memutuskan:-

Bahawa anjaran, pegangan dan fahaman yang dibawa dan dipegang oleh ahli jemaah Syarikat Rufaqa' Corporation Sdn. Bhd. (SRC) dan rangkaian syarikat gabungannya adalah menyeleweng daripada ajaran Islam. Keputusan ini hendaklah diwartakan. (*Rujuk Lampiran 21*)

(Warta pada Oktober 2006)

7. Fatwa Mengenai "Usaha Orang Islam Yang Murtad Dan Cara Hidup Yang Tidak Islam"

Fatwa:

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 36 (1) dan (2), Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang Tahun 1993, Mufti bagi Negeri Pulau Pinang membuat fatwa seperti yang dinyatakan dalam jadual.

1. Orang Islam yang murtad adalah satu perbuatan jenayah.
2. Murtad boleh disebabkan oleh tiga perkara, iaitu dengan:
 - (a) perkataan;
 - (b) Keyakinan (Iktikad);

- (c) Perbuatan;
3. Seseorang yang diertikan sebagai orang Islam, tetapi mengamalkan cara hidup bukan Islam seperti menyembah berhala atau telah melaksanakan "deed poll" (pengakuan menolak Islam) dihukum murtad dengan syarat seperti berikut :-
 - (a) berakal, tidak sah orang gila;
 - (b) baligh, menurut Imam Syafi'iy dan Imam Abu Yusuf, tidak sah murtad kanak-kanak yang mumayyiz.
 - (c) pilihan sendiri atau sukarela, tidak sah orang yang dipaksa.
 4. Walau bagaimanapun, penentuan murtad hendaklah diputuskan oleh Mahkamah Syariah melalui perintah taubat. Mahkamah Syariah perlu menetapkan tempoh kepada mereka yang murtad. Tempoh masa bertaubat adalah seperti berikut:-
 - (a) Mazhab Syafie menyatakan dua pendapat iaitu bertaubat:-
 - (i) dalam tempoh tiga hari selepas murtad; dan
 - (ii) dengan kadar segera;
 - (b) pendapat Saidina Ali r.a. menetapkan tempoh sebulan selepas murtad;
 - (c) tiga kali amaran supaya bertaubat dalam satu keadaan / majlis;
 - (d) tiga kali amaran supaya bertaubat pada tiga kali jumaat (setiap jumaat sekali);
 - (e) disuruh bertaubat sepanjang masa dan dipenjarakan sehingga dia bertaubat atau mati.
 5. Mana-mana orang Islam yang murtad yang telah diperintahkan oleh Mahkamah Syariah untuk bertaubat namun gagal untuk bertaubat dalam tempoh masa yang telah ditetapkan, Mahkamah Syariah hendaklah menjatuhkan hukuman berdasarkan hukum syarak.
 6. Seseorang yang telah diertikan sebagai Islam, tetapi tidak melaksanakan tuntutan agama Islam seperti solat fardhu dan tuntutan lain, orang itu dihukum masih sebagai orang Islam, tetapi dia telah melakukan dosa.
 7. Haram bagi orang Islam untuk mewakili orang Islam yang ingin murtad.
 8. Orang Islam yang membantu orang Islam yang lain untuk murtad adalah dihukum murtad.
(Rujuk Lampiran 22)

(Warta pada Ogos 2009)

8. Fatwa Mengenai "Kedudukan Senaman Yoga Bagi Umat Islam"

Fatwa:

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 36 (1) dan (2), Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang Tahun 1993, Mufti bagi Negeri Pulau Pinang membuat fatwa seperti yang dinyatakan dalam jadual.

1. Bahawa senaman yoga yang berasal daripada masyarakat Hindu sejak sebelum masihi lagi. Senaman yoga yang menggabungkan amalan fizikal serta unsur-unsur keagamaan dan pemujaan adalah haram

untuk diamalkan dan boleh merosakkan akidah. Oleh yang demikian, apa jua jenis atau bentuk senaman yang mengandungi unsur-unsur tersebut di atas adalah dilarang dan bertentangan dengan syariat Islam.

2. Pengharaman ini berdasarkan:

(i) Hadis Rasulullah S.A.W.:

Daripada Abu Muhammad Al-Hassan bin Ali bin Abi Thalib, Rasulullah S.A.W. bersabda:

دَعِ مَا يُرِيكَ إِلَى مَا لَا يُرِيكَ

Maksudnya: "Tinggalkan apa yang meragukan kepada apa yang tidak meragukan". riwayat (at- Tirmizi)

(ii) Hadis Rasulullah S.A.W. riwayat Abu Daud:

مَنْ تَشَبَهَ بِقَوْمٍ فَهُوَ مِنْهُمْ

Maksudnya: "Sesiapa yang mnenyerupai sesuatu kaum maka dia dari golongan mereka"

(iii) Kaedah Fiqh:

مَا أَتَى إِلَى الْحَرَمِ فَهُوَ حَرَمٌ

Maksudnya: "Apa yang membawa kepada haram maka hukumnya adalah haram".
(Rujuk Lampiran 23)

(*Warta pada Oktober 2009*)

9. Fatwa Mengenai "Hukum Wanita Menyerupai Lelaki Dan Sebaliknya"

Fatwa:

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 36 (1) dan (2), Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang Tahun 1993, Mufti bagi Negeri Pulau Pinang membuat fatwa seperti yang dinyatakan dalam jadual.

1. Bahawa pengkid iaitu wanita yang mempunyai penampilan dan gerak laku serta memiliki kecenderungan naluri seksual seperti lelaki. Pemakaian budaya pengkid adalah haram di sisi Islam. Pengharaman ini juga meliputi orang lelaki yang mempunyai penampilan dan gerak laku menyerupai orang perempuan. Oleh yang demikian, ibu bapa serta masyarakat Islam digesa supaya memberi perhatian serius terhadap gejala ini serta menekankan pendidikan dan tunjuk ajar yang sebaik-baiknya kepada anak-anak khususnya dalam aspek berpakaian, perlakuan dan penampilan supaya

gejala seumpama ini dapat dielakkan kerana ia adalah berlawanan dengan fitrah dan sunnahtullah.

2. Pengharaman ini adalah berdasarkan:

(i) Hadis:

لَعَنَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْمُخْتَلِثِينَ مِنَ الرِّجَالِ، وَالْمُتَرْجَلَاتِ مِنَ النِّسَاءِ.

Maksudnya: Daripada Ibn Abbas r.a. berkata: "Rasulullah s.a.w. melaknat mereka yang menyerupai wanita daripada kalangan lelaki dan mereka yang menyerupai lelaki daripada kalangan wanita". (Sahih Bukhari)

(ii) Hadis:

لَعَنَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الرَّجُلَ يَلْبَسُ لِبْسَةَ الْمَرْأَةِ، وَالْمَرْأَةَ تَلْبَسُ لِبْسَةَ الرَّجُلِ.

Maksudnya: Daripada Abu Hurairah r.a. berkata: "Rasulullah s.a.w. telah melaknat orang lelaki yang memakai pakaian wanita dan wanita yang memakai pakaian lelaki". (Sunan Abu Daud)
(Rujuk Lampiran 24)

(*Warta pada Oktober 2009*)

10. Fatwa Mengenai "Ajaran Tok Husin Janggut/Ilmunya Tajali Ahmad Laksamana"

Fatwa:

Bahawa Ajaran Tok Husin Janggut/ Ilmu Tajali Ahmad Laksamana didapati menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenar. Oleh itu, orang Islam adalah dilarang mengamalkan ajaran tersebut dan orang Islam yang mengamalkannya boleh dikenakan tindakan undang-undang. Di antara ciri-ciri ajaran ini ialah:

- (i) Tidak mengamalkan Syariat Islam seperti sembahyang, puasa, mengeluarkan zakat dan lain-lain;
- (ii) Merasakan dirinya telah mencapai martabat atau darjat "ilmu hakikat" iaitu suatu tahap di mana diri telah menjadi suci dan tidak perlu lagi melakukan ibadah sembahyang.
- (iii) Berpegang dan menjadikan kitab الدر النفيس (*ad Dur an Nafis*) sebagai rujukan utama (buku ini dari sudut akidah telah menyeleweng dari pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dan telahewartakan haram oleh JAKIM kerana berpegang kepada *Wahdatul Wujud*) dan juga kitab شرح أصول التحقيق (*Syarh Usuh al Tahqiq*) sebagai kitab rujukan kedua ;
- (iv) Menyatakan dirinya tuhan seperti pengakuan yang dibuat olehnya di dalam sesi soal siasat bersama Jabatan Hal Ehwal Agama Islam dan Jabatan Mufti, seperti "Yang dok cakap ni lah

- tuhan/Allah.....”;
- (v) Berpegang kepada konsep لا حول ولا قوة إلا بالله العلي العظيم iaitu manusia tiada daya upaya untuk bergerak hatta walaupun untuk pergi membuang air besar. Semuanya berlaku adalah kerana wujudnya Allah dalam diri manusia sehinggakan di dalam diri binatang sekalipun;
- (vi) Mengaku dirinya sudah tidak mempunyai iman/tidak beriman;
- (vii) Berpegang pada Wehdatul Wujud iaitu menyamakan sifat dan zat Allah dengan benda baru atau makhluk ciptaan-Nya sedangkan Allah bersifat dengan ليس كمثلها شيء ;
- (viii) Manusia tidak boleh menyebut kalimah Allah kerana sekiranya disebut akan menjadi syirik ; dan
- (ix) Mempersoalkan kalimah “Allah” sama ada Ia disembah pada namanya “Allah” atau pada hurufnya “alif lam lam ha”. (Rujuk Lampiran 25)

(Warta pada April 2010)

11. Fatwa Mengenai “Kalimah-Kalimah Suci Yang Khusus Bagi Agama-Agama Islam Dan Tidak Boleh Digunakan Agama-Agama Bukan Islam”

Fatwa:

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 36 (1) dan (2), Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang Tahun 1993, Mufti bagi Negeri Pulau Pinang membuat fatwa seperti yang dinyatakan dalam jadual.

1. Bahawa kalimah-kalimah yang berkaitan dengan kesucian Islam adalah khusus bagi agama dan orang Islam sahaja. Oleh itu ia tidak digunakan atau disamakan dengan agama-agama bukan Islam.
2. Orang Islam perlu peka dan bertanggungjawab dalam isu ini. Sikap membenarkan sesiapa sahaja menggunakan kalimah-kalimah tersebut semata-mata untuk menunjukkan bahawa Islam meraikan agama lain hanya akan mendatangkan mudharat yang besar kepada agama dan orang Islam.
3. Oleh itu orang Islam wajib menjaga dengan cara yang terbaik dan sekiranya terdapat unsur-unsur penghinaan dan penyalahgunaan terhadap kalimah-kalimah tersebut, maka ia perlu disekat mengikut peruntukan undang-undang yang telah termaktub.
4. Kalimah-kalimah tersebut ialah berikut:

1. Allah	21. Imam
2. Firman Allah	22. Nabi
3. Ulama’	23. Sheikh
4. Hadith	24. Khutbah
5. Ibadah	25. Tabligh
6. Kaabah	26. Akhirat

- | | |
|--------------|------------------|
| 7. Qadhi | 27. Azan |
| 8. Ilahi | 28. Al Quran |
| 9. Wahyu | 29. As Sunnah |
| 10. Mubaligh | 30. Auliya' |
| 11. Syariah | 31. Karamah |
| 12. Qiblat | 32. Syaadah |
| 13. Haji | 33. Masjid |
| 14. Mufti | 34. Baitullah |
| 15. Rasul | 35. Surau |
| 16. Iman | 36. Musolla |
| 17. Dakwah | 37. Zakat Fitrah |
| 18. Solat | 38. Hajjah |
| 19. Wali | 39. Taqwa |
| 20. Fatwa | 40. Soleh |

(Warta pada April 2010)